



JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ARAHAN PENTADBIRAN JTM
BILANGAN 1 TAHUN 2017
BAYARAN PERUMAHAN KHAS ILJTM

TUJUAN

1. Arahah Pentadbiran ini bertujuan untuk menyelaraskan pemahaman semua pegawai yang terlibat berkaitan dengan Bayaran Perumahan Khas di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).

LATAR BELAKANG

2. Bayaran Perumahan Khas menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil.11 Tahun 2002 diberi sebagai galakan/ imbuhan kepada pegawai-pegawai yang dikehendaki menduduki rumah Kerajaan yang diperuntukkan. JTM sebelum ini telah mengeluarkan Garis Panduan Bayaran Perumahan Khas ILJTM Bil.1/2007 yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2007 dan kemudiannya diganti dengan Garis Panduan Bayaran Perumahan Khas ILJTM Bil.1/2008 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. Walau bagaimanapun, Arahah Pentadbiran Bil. 1 Tahun 2017 ini dikeluarkan bagi menambahbaik lagi Garis Panduan sedia ada berhubung Bayaran Perumahan Khas ILJTM ini.

PELAKSANAAN

3. Rumah Khas Jawatan ialah rumah yang dikhaskan untuk seseorang pegawai yang memegang jawatan tertentu dari gred Jawatan Utama ‘B’ dan ke bawah. Jawatan yang diperuntukkan Rumah Khas Jawatan di ILJTM adalah:

3.1 Pengarah ILJTM

4. Rumah Khas Jabatan (RKJ) pula ialah rumah yang dikhaskan oleh Jabatan untuk kediaman seseorang pegawai yang dikehendaki berada setiap masa berdekatan dengan tempat bertugas. Jawatan yang diperuntukkan RKJ di ILJTM adalah:

- 4.1 Ketua Warden;
- 4.2 Warden;
- 4.3 Penolong Pengurus Asrama;
- 4.4 Penyelia Asrama;
- 4.5 Penjaga Jentera Elektrik;
- 4.6 Pemandu;
- 4.7 Penolong Pegawai Kesatria; dan
- 4.8 Pembantu Kesatria.

5. RKJ yang diperuntukkan kepada pegawai hendaklah mengikut keutamaan berdasarkan kepentingan perkhidmatan di institut berkenaan serta tertakluk kepada kekosongan RKJ di ILJTM.

6. Dalam hal ini, Pengarah ILJTM selaku Pegawai Perumahan bertanggungjawab dalam menentukan bilangan RKJ bagi setiap ILJTM mengikut keperluan serta berdasarkan kapasiti ILJTM masing-masing. Penentuan bilangan RKJ bagi setiap ILJTM serta siapa yang perlu mendiami RKJ tersebut hendaklah dibuat secara rasmi dan direkod.

KADAR DAN SYARAT BAYARAN PERUMAHAN KHAS

7. Bayaran Perumahan Khas diberi sebanyak 50% daripada kelayakan Kadar Imbuhan Tetap Perumahan bagi pegawai yang diarahkan menduduki RKJ. Walau bagaimanapun, bagi ILJTM yang tidak mempunyai RKJ yang mencukupi atau langsung tidak mempunyai RKJ, pegawai-pegawai yang diarahkan menduduki kuarters

ILJTM (bagi jawatan-jawatan yang diperuntukkan RKJ seperti di atas) dengan arahan bertulis daripada Pengarah ILJTM selaku Pegawai Perumahan turut layak diberi Bayaran Perumahan Khas diberi sebanyak 50% daripada kelayakan Kadar Imbuhan Tetap Perumahan.

8. Pegawai yang disyaratkan atau diperuntukkan menduduki Rumah Khas Jawatan/ Jabatan tiada pilihan untuk tinggal di luar atau mengosongkan rumah sewa kerajaan. Jika pegawai tidak menduduki rumah yang diperuntukkan, pegawai tidak layak Bayaran Perumahan Khas dan Bayaran Imbuhan Tetap Perumahan. Di samping itu, pegawai disyaratkan untuk menghadirkan diri pada bila-bila masa pegawai diperlukan selepas waktu pejabat demi kepentingan perkhidmatan.

TARIKH KUAT KUASA

9. Arahan Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **tarikh ianya dikeluarkan**. Dengan berkuatkuasanya Arahan Pentadbiran ini, maka Garis Panduan Bayaran Perumahan Khas ILJTM (Bil.1/2008) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

10. Arahan Pentadbiran ini terpakai kepada semua ILJTM.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DR. MARY WONG LAI LIN)

Ketua Pengarah

Jabatan Tenaga Manusia

Kementerian Sumber Manusia

30 Mei 2017

Semua Pengarah ILJTM